

Warta **102** Konvo

Edisi 13 September 2025

**TIGA SRIKANDI
KEBANGGAAN
MASS COMM UiTM**

**PENGIKTIRAFAN
TERHADAP GRADUAN BUKTI
UiTM DIYAKINI INDUSTRI**

**UiTM MELAKA PASTIKAN GRADUAN
BERSEDIA BERSAINGAN PASARAN KERJA**

PENGIKTIRAFAN TERHADAP GRADUAN BUKTI UiTM DIYAKINI INDUSTRI



oleh : Zaidatul Insyirah Suhaini

UiTM terus kekal unggul apabila diiktiraf sebagai Universiti Pilihan Majikan 2025 oleh Talentbank, pencapaian yang seiring dengan peningkatan kadar bekerja graduan kepada 92.1 peratus, sekali gus mengangkat reputasi universiti sebagai penyedia tenaga kerja berkualiti.

Naib Canselor, Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, berkata kejayaan ini adalah hasil usaha bersama seluruh warga UiTM. Menurut beliau, perkara ini membuktikan bahawa graduan UiTM bukan sahaja berilmu, tetapi turut diyakini industri.

Beliau turut menekankan peranan kerjasama antarabangsa dengan universiti dari Indonesia, China, Uzbekistan dan Amerika Syarikat dalam membuka peluang pembangunan kepimpinan serta kesedaran budaya global dalam kalangan pelajar.

“Kolaborasi ini memberi nilai tambah kepada graduan untuk bersaing di pasaran kerja global,” katanya pada Istiadat Konvokesyen UiTM ke-102.

Dalam ucapannya, beliau turut mengingatkan graduan bahawa ilmu perlu bergandingan dengan adab, sekali gus menyeru alumni untuk terus berbakti kepada masyarakat, bangsa dan negara.

“Ilmu tanpa adab ibarat pohon tanpa akar. Adab mendidik kita supaya sentiasa merendah diri, walaupun tinggi menggapai langit, namun akarnya tetap menjejak ke bumi. Tanpa adab, ilmu akan hilang nilainya dan boleh menjadi mudarat. Namun, dengan adab, ilmu akan tersusun, memberi manfaat, serta membawa keberkatan”, pesannya.

Pengiktirafan sebagai Universiti Pilihan Majikan 2025 adalah buah hasil daripada segala usaha kerjasama antarabangsa serta kolaborasi strategik yang berterusan dalam memperkasa graduan untuk menjadi insan holistik dan berdaya saing, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran di peringkat global.

**“Ilmu tanpa adab ibarat pohon
tanpa akar. Adab mendidik kita supaya
sentiasa merendah diri, walaupun
tinggi menggapai langit, namun
akarnya tetap menjejak ke bumi.”**

*Naib Canselor UiTM
Profesor Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin*

